

25 JAN 2001
Mahathir-MIC
UMNO ALU IPF DIPELAWA SERTAI MIC, KATA MAHATHIR

JITRA, 25 Jan (Bernama) -- Umno mengalu-alukan langkah MIC yang mempelawa Presiden Barisan Kemajuan India SeMalaysia (IPF), Datuk MG Pandithan dan pengikutnya menyertai parti teraju kaum India itu, kata Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Langkah yang dibuat MIC ini bakal mencantum dan menyatupadukan kaum India di negara ini," katanya kepada pemberita selepas majlis Aidilfitri anjuran Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Kubang Pasu di sini.

Perdana Menteri yang juga anggota parlimen dan Ketua Umno bahagian berkenaan berkata demikian ketika diminta mengulas tawaran terbuka Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu kepada Pandithan dan pengikutnya supaya kembali menyertai MIC dua hari lepas.

Pandithan pernah menjadi Naib Presiden MIC tetapi dipecat pada 1 Dis 1988 kerana perbezaan pendapat dan perselisihan faham dengan Samy yang membawanya menubuhkan IPF pada 1990.

IPF yang tetap menyokong Barisan Nasional (BN) dan Dr Mahathir telah berusaha untuk menyertai BN sejak 1995, tetapi menemui jalan buntu yang mengikut Pandithan ekor tentangan MIC.

Dr Mahathir berkata keputusan Samy untuk terima Pandithan dan memberi layanan baik adalah satu langkah yang bijak.

"Kita tak dapat terima IPF dalam BN selama ini kerana perlu dapat persetujuan seluruh anggota BN, barulah mana-mana parti baru boleh diterima.

"Sebab itu, walaupun IPF minta dah lama masuk BN dan sokong BN masa pilihan raya, tapi malangnya tak dapat terima masuk jadi anggota BN. Kalau IPF serta MIC, maka itu lebih mudah bagi kita," katanya.

Ditanya adakah kaum India di negara ini turut menghadapi masalah perpaduan sesama mereka, Dr Mahathir berkata:

"Kalau mereka tak bersatu, maknanya berpecahlah. MIC adalah India dan IPF juga India.

-- BERNAMA
MAN ZB